



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI  
KEDAH DARUL AMAN**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** di **Kedah Darul Aman** dan **MPSPK** yang masih dibenar membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebutharga di bawah ini.

BIL.	NO. SEBUTHARGA	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
1.	36 / 2018 (KEJ)	Cadangan Kerja-Kerja Bagi Program Bandar Selamat 2018 di Kawasan Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah Darul Aman Untuk Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot	CIDB Gred G2 Kategori B Pengkhususan B04	Aras G, Ruang Legar Auditorium	9.30 pagi	17 April 2018 (Selasa)

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**.

**HARGA DOKUMEN : RM 10.60 SENASKAH (TUNAI)**

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan)** mulai **17 April 2018 (Selasa)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

**Ahad – Rabu** : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari  
2.15 petang hingga 4.45 petang  
**Khamis** : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari  
2.15 petang hingga 3.15 petang

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebutharga.

Tarikh tutup sebutharga ialah pada **25 April 2018 (Rabu)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

**Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.**